

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(VI)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB. ONG KHAN LEE**

10. Adakah Kerajaan Negeri akan mengkaji semula garis panduan, peraturan kecil dan sebagainya Kerajaan Tempatan dan lalu digazetkan?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

10. Kerajaan Negeri melalui kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) akan sentiasa mengkaji semula garis panduan, peraturan kecil dan lain-lain peraturan selari dengan kesesuaian penggunaannya pada masa kini. Bagi setiap kajian semula tersebut, Kerajaan Negeri akan merujuk dengan Penasihat Undang-Undang Negeri dan setelah diluluskan, garis panduan ini akan digazetkan. Setiap kajian dan pindaan yang dibuat mestilah selari dengan Kerajaan Persekutuan.